

Pencapaian prestasi janji kerajaan 39.01%

Oleh YULPISMAN ASLI dan SOFIAN BAHAROM
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 9 MEI

PERDANA Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan, prestasi pencapaian janji Kerajaan PH bagi tempoh 10 Mei 2018 hingga 30 April lalu adalah sebanyak 39.01 peratus setelah setahun kerajaan Pakatan Harapan (PH) mentadbir negara.

Beliau berkata, prestasi itu diukur melalui status kemajuan 464 inisiatif yang merupakan dasar dan tindakan-tindakan spesifik yang dinyatakan dalam setiap janji.

"Sebanyak 53 inisiatif atau 11.42 peratus telah ditunaikan dari 128 inisiatif manakala 283 inisiatif atau 60.99 peratus adalah di peringkat dalam perancangan atau belum mula.

"Prestasi ini menunjukkan

"Sebanyak 53 inisiatif atau 11.42 peratus telah ditunaikan dari 128 inisiatif manakala 283 inisiatif atau 60.99 peratus adalah di peringkat dalam perancangan atau belum mula."

peningkatan sebanyak 29.34 peratus berbanding 9.67 peratus pada 31 Disember 2018," katanya ketika menyampaikan Perutusan Perdana Setahun Malaysia Baharu di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, menteri-menteri Kabinet dan para pemimpin parti komponen PH.

Dr. Mahathir berkata, pihaknya sedar bahawa ramai dalam kalangan rakyat yang tidak berpuas hati dan menuduh kerajaan PH telah gagal memenuhi beberapa janji yang terdapat di dalam manifesto.

Beliau menjelaskan, apabila mengambil alih kerajaan, pihaknya mendapati kerosakan yang berlaku begitu besar sehingga

mereka tiada berkeupayaan untuk memenuhi janji-janji itu seberapa segera yang mungkin.

Malah jelasnya, keutamaan kerajaan berubah apabila mendapati kerosakan yang berlaku itu terlampau parah dan



perlu diselesaikan terlebih dahulu.

"Umpamanya untuk hapus tol PLUS Malaysia Berhad (PLUS) sahaja, RM30 bilion diperlukan dan beberapa bilion lagi untuk memperbaiki jalan tiap tahun.

"Jika jalan-jalan baharu diperlukan, kerajaan perlu bangunkan, sedangkan kerajaan terpaksa bayar hutang berbilion ringgit setahun untuk puluhan tahun," katanya.

Meskipun terdapat sedikit kelewatan, Dr. Mahathir berkata, kerajaan PH telah terus berusaha untuk memenuhi janji-janji seperti yang terkandung di dalam Buku Harapan.

"Alhamdulillah, kita telah berhasil dalam banyak perkara. Di sini saya ingin mengambil peluang untuk melaporkan kepada rakyat apa yang telah kita lakukan," katanya.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, kerajaan yakin dapat membangunkan 100,000 rumah mampu milik bagi tahun ini.

Perdana Menteri berkata, pencapaian itu menunjukkan komitmen kerajaan untuk membina negara dan memenuhi harapan rakyat.